

Majlis Ihtifal Lughawi Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat WP. Labuan Tahun 2023



Labuan, 25 September – Sebanyak 16 buah Sekolah Rendah dan 10 buah Sekolah Menengah menyertai Ihtifal Lughawi Sekolah-Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan Labuan anjuran bersama Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan (JPWPL) pada 21 dan 22 September 2023 iaitu pada hari Khamis dan Jumaat.

Antara acara yang diadakan di Sekolah Kebangsaan Sungai Lada itu termasuklah pertandingan Daie Cilik, Kalam Arabiy bagi Sekolah Rendah dan pertandingan Mimbar Daie, Mimbar Daie Mandarin, Kalimatus Sobah, Hiwar Bahasa Arab serta Kuiz Bahasa Arab bagi Sekolah Menengah.

Penyertaan peserta seramai 132 orang daripada semua sekolah rendah dan menengah di WP Labuan yang terdiri daripada 30 orang peserta Daie Cilik, 24 peserta kalam Arabiy, 18 peserta Mimbar Daie, 9 orang peserta Mimbar Daie Bahasa Mandarin, 5 orang peserta Kalimatussobah, 15 peserta Hiwar Menengah Rendah dan 27 orang peserta Kuiz Bahasa Arab Menengah Atas.

Majlis Penutupan Ihtifal Lughawi Sekolah-Sekolah (ILSS) telah dirasmikan oleh Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan, Tuan Yusup bin Haji Mohamad pada hari Jumaat yang lalu.

Berita Oleh : SK Sungai Lada

